



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**“MEDIA BERINTEGRITI, MASYARAKAT HARMONI”**

**Tarikh Dibaca :**

**19 SYAABAN 1442H/  
2 APRIL 2021M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



“MEDIA BERINTEGRITI, MASYARAKAT HARMONI”

19 SYAABAN 1442H / 2 APRIL 2021

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ. قَالَ تَعَالَى : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ : مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ  
رَقِيبٌ عَتِيدٌ ۱۸

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Khutbah hari ini bertajuk: “**Media Berintegriti, Masyarakat Harmoni**” sempena Sambutan Ulang Tahun RTM yang Ke-75. Khatib juga ingin menyeru kepada semua agar dapat terus mematuhi garis panduan pencegahan Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan segera mendaftar penerimaan vaksin Covid-19 kerana inilah antara ikhtiar kita dalam usaha menyekat penularan wabak ini. Mudah-mudahan dengan usaha kita ini akan dapat menyelamatkan kita dari wabak penyakit yang berbahaya ini.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Perkembangan teknologi dunia semakin hari semakin pesat sehinggakan setiap berita dapat kita terima dengan cepat walaupun lokasinya jauh beribu batu dari kita. Peranan media diakui sangat besar dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat awam. Dalam konteks negara, selama lebih tujuh dekad ini, RTM bertindak sebagai penyiar rasmi negara dalam menyalurkan informasi kepada masyarakat. Tentunya RTM berperanan besar dalam menyatupadukan masyarakat di negara kita. Rancangan-rancangan yang terdapat di saluran RTM seperti Forum Perdana Ehwat Islam masih bertahan sejak dahulu dalam mendidik masyarakat. Rancangan-rancangan pendidikan seperti ini terus mengalami transformasi dan perubahan.

Fungsi dan peranan media telah lama digunakan sejak dahulu lagi. Cuma cara dan kaedahnya sahaja yang berbeza. Sebagai contoh, pada zaman Rasulullah SAW, apabila Baginda menerima sesuatu wahyu dari Allah SWT, Baginda terus menyampaikannya kepada para sahabat. Kandungan al-Quran juga ada sebahagiannya menceritakan tentang kisah-kisah terdahulu yang memiliki pengajaran dan teladan buat seluruh umat manusia. Penyampaian khutbah dan pidato yang dibuat oleh Rasulullah SAW ketika itu juga termasuk sebagai antara medium yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu maklumat kepada masyarakat. Rasulullah SAW juga telah menugaskan beberapa orang sahabat untuk berseni di pentas-pentas syair sebagai cara menyebarkan dakwah dan juga membalas tohmahan para musyrikin sepertimana Baginda mengarahkan Hassan bin Thabit ketika perang Bani Quraizah. Hal ini kerana pentas syair boleh dianggap sebagai media utama masyarakat Arab ketika itu.

Penggunaan media lain seperti internet yang meluas melalui laman blog, *Facebook*, *Twitter*, *Skype*, *Instagram* dan lain-lain di samping media massa yang sedia ada seperti akhbar, radio dan televisyen merancakkan lagi penyebaran maklumat dan informasi dalam kalangan masyarakat. Justeru, media massa memainkan peranan dan tanggungjawab yang penting serta amanah yang sangat berat dalam menyampaikan maklumat yang benar, tepat dan berfaedah kepada masyarakat. Bahkan maklumat yang disebarkan oleh media massa juga perlu mengambil kira tanggungjawab untuk mendidik masyarakat ke arah kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Inilah peranan penting media

dalam menyebarkan dakwah serta nilai-nilai murni kepada masyarakat. Oleh itu, persiapan atau persediaan perlu diurus dengan sebaiknya agar dapat meyakinkan tentang topik yang akan dibicarakan.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Melihat kepada konteks komunikasi Islam yang mempunyai ruang lingkup yang lebih luas tentang media, Islam telah menetapkan bahawa media Islam mestilah selari dengan peranan agama Islam itu sendiri. Ia terkandung dalam Surah al-Baqarah ayat 42:

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ٤٢

**Maksudnya:** *“Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah, dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya.”*

Juga berdalilkan kepada firman Allah SWT dalam Surah al-Nur ayat 19:

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا  
وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ١٩

**Maksudnya:** *“Sesungguhnya orang-orang yang suka terhebah tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian).”*

Dapat difahami bahawa peranan media yang dibawa harus berdasarkan kepada prinsip kebenaran dengan disokong oleh fakta dan bukti yang jelas. Tanpa bukti dan fakta yang jelas, ia akan merosakkan perpaduan malah akan mengakibatkan perpecahan antara umat Islam. Berita yang disampaikan atas dasar sangkaan, khabar angin ataupun pendustaan mesti ditolak sama sekali. Peranan yang ditetapkan dalam Islam perlu digalas oleh pengamal media yang menjadikan media sebagai salah satu platform dalam

mengembangkan ilmu agama. Ia harus disampaikan dengan bijaksana dan bersistematik.

Pada masa yang sama, semua pihak yang terlibat dalam industri penyiaran diseru untuk terus menghasilkan rancangan-rancangan berkualiti dalam memantapkan penghayatan Islam di segenap lapisan umur masyarakat. Kerjasama erat serta bimbingan daripada para agamawan juga akan menatijahkan produk penyiaran yang berupaya memenuhi tanggungjawab mengukuhkan nilai dan adab.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Rancaknya penggunaan media termasuk media sosial hari ini juga mendedahkan kita dengan banyak salah guna, pendustaan maklumat dan penyebaran berita-berita palsu. Media sering dijadikan saluran menghebahkan info semasa termasuk pandangan peribadi terhadap sesuatu isu. Malangnya, terdapat pihak yang tidak berhati-hati dengan menyebarkan maklumat yang tidak sahih dan tidak mendapat pengesahan dari sumber asal.

Bagi memastikan tidak terjebak dengan faktor-faktor yang membawa kepada unsur-unsur fitnah, masyarakat perlu mendapatkan sesuatu maklumat dari sumber yang sahih dan boleh dipercayai. Dalam hal ini RTM sebagai lidah rasmi kerajaan boleh memainkan peranan dalam memberikan maklumat yang tepat dan dipercayai. Penyebaran maklumat-maklumat palsu dan tidak tepat ini memberi impak yang sangat buruk kepada masyarakat juga negara. Rasulullah SAW telah memberi peringatan kepada penyebar-penyebar berita melalui sebuah hadis:

إِنَّ الْعَبْدَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ مَا يَتَّبِعُ فِيهَا يَزُلُّ بِهَا فِي النَّارِ أَبْعَدَ مِمَّا بَيْنَ الْمَشْرِقِ

**Maksudnya:** "Seorang hamba apabila dia bercakap tentang satu perkataan yang dia sendiri tidak selidiki (akan kebenaran), maka dia tergelincir ke dalam neraka yang jauhnya adalah sejauh arah timur." (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Kesimpulannya, beberapa pengajaran yang boleh kita ambil dari khutbah yang telah disampaikan, iaitu:

**Pertama:** Media berperanan penting dalam menyampaikan setiap maklumat atas prinsip kebenaran dan fakta yang tepat selain menghasilkan program berkualiti dalam usaha membina adab dan moral masyarakat.

**Kedua:** Setiap maklumat yang diterima mestilah diselidiki terlebih dahulu kesahihannya bagi mengelakkan kesilapan fakta dan maklumat.

**Ketiga:** Setiap orang bertanggungjawab menjaga diri dari menyalahgunakan media fungsi dan peranan media dalam menyampaikan maklumat kerana ia memberi impak yang sangat besar kepada agama, masyarakat dan negara.

Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ جَاءُوا بِالْإِفْكِ عُصْبَةٌ مِّنْكُمْ لَا تَحْسَبُوهُ شَرًّا لَّكُم بَلْ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ  
لِكُلِّ امْرِئٍ مِّنْهُمْ مَا أَكْتَسَبَ مِنَ الْإِثْمِ وَالَّذِي تَوَلَّى كِبْرَهُ مِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ  
عَظِيمٌ ۝

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan dari kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu. Tiap-tiap seorang antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarkannya antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat).*” (Surah al-Nuur ayat 11)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

الْعَظِيمِ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى  
النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى  
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مُوَلِيَا  
سري قدوك بكنيدا يَغْ دڤرتوان اڤوڤ، السلطان عبد الله رعاية الدين المصطفى  
بالله شاه ابن المرحوم سلطان حاج أحمد شاه المستعين بالله.

وَكذلك كباوه دُولِي يَغْ مَهَا مُوَلِيَا سري قدوك بكنيدا راج فرمايسوري اڤوڤ،  
تونكو (Tunku) حابه عزيزة أمينة ميمونة إسكندرية بنت المرحوم المتوكل على  
الله سلطان إسكندر الحاج.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بِلَدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا  
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.



Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.